

Wanita dapat Mingguan Sarawak pendidikan sama rata 27/2/2011



KAGUM ... Datin Hajah Fatimah Abdullah (dua kiri) melihat anak pokok yang disampaikan Nancy Shukri sebagai cenderamata di Kuching semalam. • ONG WEI LING

KUCHING, Sabtu — Pelaksanaan beberapa dasar seperti 'Pendemokrasi Pendidikan' dan 'Pendidikan untuk Semua' telah membolehkan wanita negeri ini mendapat pendidikan yang sama rata sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Menyertai Pejabat Ketua Menteri Datin Hajah Fatimah Abdullah berkata ia kemudian turut membolehkan wanita mendominasikan jumlah pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi dengan kadar 60-70 peratus ketika ini.

"Tidak payah mengimbau masa lain, pada tahun lepas sahaja seramai 128,068 pelajar di sekolah rendah adalah kanak-kanak perempuan manakala di sekolah menengah pula (108,456 orang)," katanya ketika merasmikan seminar Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) di Pusat Pembangunan Pendidikan Yayasan Sarawak di sini hari ini.

Menurutnya, pendidikan yang diterima itu memudahkan wanita memperoleh pekerjaan bagi menyumbang hasil kepada ekonomi rumah tangga.

"Pendidikan yang baik juga membuatkan wanita mudah menjawat berbagai jawatan di sektor awam, badan berkanun atau swasta, menjadi tenaga kerja kumpulan tertinggi, pembuat keputusan dan tidak kurang juga menj-

di kumpulan sokongan.

"Selain itu dengan pendidikan, wanita mampu membuat pencapaian yang lebih baik dalam bidang perniagaan walaupun secara kecil-kecilan. Kalau dulu, bidang lain seperti pembinaan dan perladangan didominasi lelaki, sekarang perempuan juga ada turut serta. Ini membuktikan wanita lebih berkaliber kini," tegasnya.

Fatimah berkata memandangkan wanita sudah menjadi arif tentang kesempurnaan dan juga kebijaksanaan, mereka kini pula diminta bersiap sedia untuk mengutamakan pembangunan sosial, moral dan keinsanan.

"Globalisasi, perkembangan ICT, kemajuan teknologi dan kemodenan telah memberi impak besar kepada kehidupan sosial dan semua itu harus diketahui wanita dengan menilai semua bentuk kekuatan yang mereka ada, tidak hanya pendidikan saja," ujar beliau.

PPWS dipuji kerana berupaya membina wanita melalui program-program seperti pertukangan tangan, kelas jahitan, masakan dan tanaman yang dilihat mampu menjadikan mereka lebih berdikari tanpa bergantung sepenuhnya kepada suami.

Turut hadir pada seminar itu ialah Pengerusi PPWS, Nancy Shukri.